

# Pustakawan bukan sekadar penyusun buku

BERITA HARIAN (13/08/2022)MS

Qudri Ali Abu Bakar,  
Kuala Lumpur

**Perpustakaan** adalah sebuah tempat yang berfungsi sebagai hab maklumat bagi pengguna. Namun, tanpa seorang pustakawan yang mengendalikan segala sumber atau program bermanfaat kepada pengguna fungsi perpustakaan tidak akan berjalan dengan baik.

Bagaimanapun kerjaya pustakawan sangat sinonim dengan masyarakat kita sebagai penyusun buku. Apabila doktrin ini diperluaskan, maka kebanyakan ahli masyarakat akan mengatakan pustakawan hanya menyusun buku di perpustakaan tanpa membuat sebarang penyelidikan. Kata mudahnya, kerja seorang pustakawan hanyalah sebagai penyusun buku.

Sedangkan sebenarnya, pustakawan adalah kunci ilmu kepada masyarakat. Jika dilihat dari aspek pendidikan, pustakawan adalah kunci bagi membolehkan pengguna mengakses bahan ilmiah dengan pelbagai tujuan sama ada rujukan mahupun tugas.

Oleh itu, bahan ilmiah atau program pendidikan dilaksanakan akan dinilai oleh pustakawan dengan membuat perbincangan dengan pelbagai pihak bagi menjayakannya. Pustakawan juga dikehendaki membuat pelbagai program bagi menarik minat pengunjung untuk menggunakan perkhidmatan perpustakaan sama ada secara fizikal atau maya (digital).

Justeru, banyak juga aktiviti yang diadakan bagi menarik minat orang awam terutama golongan kanak-kanak dan remaja untuk mengunjungi perpustakaan. Antaranya termasuklah pertandingan seperti e-sports. Pertandingan sebegini amat penting kerana dalam usaha menarik minat orang awam, tentu saja kita perlu tahu kecenderungan mereka dan minat mereka.

Pertandingan sebegini adalah satu contoh saja bagaimana perpustakaan sudah banyak membuat perubahan dari aspek aktiviti serta kreativiti dengan tujuan menarik minat pengunjung ke perpustakaan.

Susulan itu, tugas seseorang pustakawan itu sendiri juga turut berubah-ubah mengikut keadaan. Ada kalanya mereka menganjurkan program literasi maklumat kepada pengguna supaya komuniti akan memperoleh kemahiran bermaklumat.

## Kemahiran tambah keupayaan diri


Kelebihan kemahiran ini tentunya antara lain dapat membantu mereka menambah keupayaan diri dan mencari pekerjaan. Selain ia mencelikkan mata mengenai kaedah mengguna dan menapis maklumat dengan baik bagi mengelak daripada ditipu oleh *scammer*.

Apabila memperkatakan mengenai tugas pustakawan pula ia sebenarnya bergantung kepada di mana lokasi kerjaya mereka itu. Setiap perpustakaan atau pustakawan walaupun sama secara umum tetapi ia memerlukan kemahiran berbeza.

Contohnya bagi perpustakaan firma guaman, pengguna mereka adalah golongan profesional dalam bidang perundangan. Justeru yang dicari adalah bahan berhubung bidang itu.

Oleh demikian, skop tugas pustakawan juga akan berubah dengan kewujudan soalan berkaitan dengan perundangan seperti akta, warta, rang undang-undang atau bahan-bahan bacaan lain.

Semua ini menunjukkan bahawa dakwaan kerjaya pustakawan sebagai seorang penyusun buku adalah tidak tepat kerana terdapat tugas lain yang sudah merubah corak pekerjaan hakiki seorang pustakawan itu.



Perpustakaan adalah sebuah tempat yang berfungsi sebagai hab maklumat bagi pengguna.

(Foto hiasan)